

**DATE:** 25 JUNE 2013  
**PUBLICATION:** BERITA HARIAN  
**SECTION:** BUSINESS  
**HEADLINE:** SONA PETROLEUM LANTIK CIMB DAN RHB JADI PENASIHAT  
**CATEGORY:** COMPANY NEWS  
**MEASUREMENT:** 312 CM<sup>2</sup>

## Sona Petroleum lantik CIMB dan RHB jadi penasihat

Sona Petroleum Bhd melantik CIMB Investment Bank Bhd dan RHB Investment Bank Bhd sebagai penasihat utama, ejen penempatan, penasihat jamin dan pengurus taja jamin bersama sempena penyaraiannya di Papan Utama Bursa Malaysia.

Dua penasihat jamin bersama lain yang dilantik ialah Kenangan Investment Bank Bhd dan MIDF Amanah Investment Bank Bhd.

"Kami yakin keseluruhan proses penyenaraian Sona Petroleum akan disempurnakan dengan lancar dengan bantuan mereka," kata Pengerusinya, Andreas Johannes Raymondus van Strip.

Beliau berkata demikian pada majlis pemeteraian perjanjian taja jamin dengan bank terbabit di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama Pengarah Urusan

Sona Petroleum, Datuk Seri Hadian Hashim dan Ketua Pegawai Keuangannya, Datuk Maznah Abdul Jalil. Sona Petroleum bercadang membuat tawaran awam permulaan (IPO) membabitkan penerbitan sehingga 1.1 bilion saham biasa baru bernilai satu sen seunit pada harga tawaran 50 sen seunit.

### Setiap saham

ia juga bercadang menerbitkan sehingga 1.1 bilion waran boleh cerai yang diberikan percuma pada asas satu waran bagi setiap saham IPO dilanggan.

Sementara itu, Hadian berkata, keadaan semasa industri minyak dan gas menampilkan persekitaran menggalakkan untuk pengambilalihan aset cari gali dan pengeluaran (E&P).



Hadian (tiga dari kiri) pada majlis memeterai perjanjian taja jamin dengan CIMB Investment Bank Bhd dan RHB Investment Bank Bhd. (FOTO SUGUMAHAN SUPPLIAH/AB)

"Permintaan bagi eksport minyak diunjur berkembang lebih tiga peratus setahun, marakala tinjauan bagi tenaga terus kukuh," katanya.

Beliau berkata, Sona Petroleum memfokus pengambilalihan aset dalam fasa rantaian E&P minyak dan gas di Asia Tenggara, Asia Barat dan kawasan terpilih di Afrika.

Syarikat itu diberi tempoh tiga tahun untuk mendapatkan aset E&P itu, katanya.

Sebagai sebuah SPAC, Sona Petroleum tidak mempunyai operasi atau perniagaan yang menjana pendapatannya.

Syarikat itu berhasrat menjana dana menerusi proses IPO bagi

tujuan mengambil alih operasi syarikat atau aset E&P minyak dan gas.

Hadian berkata, sebagai sebuah SPAC, pihak pengurusan tidak mempunyai hak mutlak untuk memilih aset, sebaliknya menyerahkan kepada pemegang saham.